

21/08/1998

Kepentingan rakyat diambil kira

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan mengambil kira kepentingan rakyat dan negara dalam menyelesaikan isu hubungan dua hala di antara Malaysia dan Singapura yang meruncing sejak kebelakangan ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata sebarang pendekatan yang hendak diambil juga dirujuk kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kabinet terlebih dulu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sebelum mengadakan perjumpaan dengan wakil Biro Hal Ehwal Kerajaan Pemuda MCA di Wisma Putra di sini, hari ini.

Dalam perjumpaan itu, delegasi yang diketuai Setiausaha Agung Pemuda MCA, yang juga penyelarasi biro berkenaan, Datuk Ong Tee Kiat, turut menyerahkan memorandum menyokong sebarang langkah kerajaan dalam menyelesaikan isu yang dihadapi kedua-dua negara.

Hubungan Malaysia-Singapura kembali tegang berikutan pemindahan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Singapura dari Tanjung Pagar ke Woodlands, awal bulan ini.

Semalam, Abdullah berkata, Malaysia tidak menerima sebarang maklum balas di peringkat kerajaan daripada Singapura bagi menyelesaikan pertikaian mengenai KIK Malaysia di Tanjong Pagar.

Menurut Abdullah, Malaysia masih menghargai hubungan baik kedua-dua negara dan sebarang isu yang digembar-gemburkan akan diselesaikan menerusi saluran diplomatik.

Ong pada sidang akhbar selepas pertemuan itu, pula berkata, dalam memorandum berkenaan, Pemuda MCA turut membayangkan kemungkinan pertelingkahan membabitkan KIK sebenarnya bukan berpunca daripada isu itu sendiri.

"Pada hemat kami, isu itu bukan berpunca daripada pusat pemeriksaan KIK tetapi membabitkan isu lain sebelum ini yang menjejaskan hubungan dua hala itu.

"Kita kesal kerana Singapura kurang mengamalkan semangat setiakawan Asean bagi menghadapi sebarang masalah membabitkan kedua-dua negara.

(END)